



**ISNIN, 1 OGOS 2022
UNTUK SIARAN SEGERA**

PESAWAT LATIHAN TERHEMPAS DI IPOH, PERAK

PUTRAJAYA - Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) mengesahkan satu kemalangan melibatkan sebuah pesawat yang sedang menjalani latihan penerbangan di Sungai Pinji, berdekatan Medan Gopeng, Ipoh, Perak selepas berlepas dari Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah pada Isnin, 1 Ogos 2022. Menara Kawalan Trafik Udara CAAM Ipoh telah menerima panggilan kecemasan pada jam 8:07 malam. Jenis pesawat yang terlibat adalah Piper 28-161, pendaftaran 9M-BAA berkenaan dikendalikan oleh BATS Aviation Sdn Bhd.

Seorang juruterbang maut manakala seorang lagi mengalami kecederaan parah dan sedang menerima bantuan perubatan. Siasatan lanjut akan dilaksanakan oleh Biro Siasatan Kemalangan Udara di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia mengikut Bahagian XXVI Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016.

DATUK KAPTEN CHESTER VOO
Ketua Pegawai Eksekutif
Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia